



13 MAY, 2024

Azrai layak digelar mesin cetak gol

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Azrai layak digelar mesin cetak gol

Ipoh: Jika gelaran mesin gol perlu dinobatkan kepada pemain skuad hoki negara, Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal adalah individu paling layak menerima gelaran itu.

Selain muncul penjaring terbanyak di Liga Hoki Malaysia (LHM) dua musim berturut-turut ketika mewakili Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu 40 gol pada musim lalu serta 32 gol musim ini, penyerang berbisa itu juga cemerlang ketika mewakili Speedy Tigers.

Ia selepas dirinya dinobatkan penjaring terbanyak pada edisi Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) kali ini dengan lapan gol termasuk dua hatrik ketika bertemu Pakistan dan New Zealand pada akhir liga sepusingan itu.

Paling membanggakan, pencapaian pemain berusia 24 tahun itu mengatasi idolanya sendiri iaitu penyerang paling berpengalaman, Faizal Saari yang menyumbang tiga gol pada saingan kali ini.

Bagi Azrai yang meledak 28 gol bersama skuad senior negara, dia sememangnya meletakkan sa-

saran menjaringkan gol dalam setiap perlawanan diharunginya.

“Saya tidak letak sasaran terlalu tinggi, cuma bagi setiap perlawanan, saya sarar untuk jaringkan sekurang-kurangnya satu gol. Jika dapat jaringkan lebih daripada itu, ia kira bonus untuk saya.

“Saya tak anggap ia ketajaman (diri sendiri), tapi setakat ini saya memang agak bagus apabila berada di depan,” katanya.

Bagaimanapun, di sebalik kejayaan peribadi itu, Azrai tidak dapat membantu Speedy Tigers mempertahankan kejuaraan dimenangi dua tahun lalu selepas Malaysia sekadar menamatkan saingan di kedudukan keempat apabila tewas 2-3 kepada New Zealand pada penentuan tempat ketiga, kelmarin.

Lebih mengecewakan, dirinya gagal menyempurnakan penalti stroke pada perlawanan berkenaan yang mungkin mengubah nasib skuad negara sekiranya dia dapat memanfaatkan peluang keemasan itu, namun Azrai mahu segera melupakan detik hitam itu.